

NOTIS PEMBERITAHUAN
AMALAN PENCEGAHAN DAN KAWALAN KES BERJANGKIT COVID-19

**PROSEDUR PEMATUHAN TATACARA KEHADIRAN KULIAH DI STUDIO DAN KELAS
DI FAKULTI ALAM BINA**

1. Pastikan anda membawa kad pelajar sewaktu hadir ke Universiti.
2. Pastikan anda telah lengkap di vaksinasi mengikut peraturan Universiti Malaya.
3. Anda dikehendaki untuk memuat turun aplikasi UM Touch atau MySejahtera di telefon pintar anda dan mengisytihar status kesihatan anda melalui aplikasi tersebut sekurang-nya 2 jam sebelum hadir ke Universiti.



4. Anda perlu mengisytihar status kesihatan ~~sentiasa kemaskinikan maklumat~~ di dalam UM Touch atau My Sejahtera setiap hari.
5. Pastikan anda di dalam keadaan sihat dan sedia mematuhi SOP
6. Anda perlu melalui Kaunter Saringan Kesihatan yang telah ditetapkan.
7. Sesiapa dengan suhu badan 37.5 Celcius atau lebih, tidak akan dibenarkan masuk dan perlu menjalani pengukuran suhu badan semula. Jika gagal mematuhi saringan kesihatan ini, tindakan akan diambil kepada pelajar tersebut.
8. HANYA pelajar yang mendaftar pada Sesi 2021/22 sahaja yang di benarkan
9. Pastikan anda memakai pelitup muka sepanjang masa.
10. Pastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter ~~jarak sosial~~ dipatuhi sepenuhnya semasa berada di dalam studio/bangunan.



11. Gunakan Hand Sanitizer atau mencuci tangan sebelum dan selepas keluar daripada Bilik Kuliah/Studio.
12. Bilik Kuliah/Studio akan dibuka mengikut ketetapan Fakulti dan adalah tanggungjawab pelajar mematuhi SOP dan sila rujuk penjadualan.
13. Kerjasama anda dalam memastikan prosedur ini dapat dipatuhi adalah sangat dihargai.
14. SOP ini hendaklah dibaca dengan SOP dan arahan berkaitan pengawalan COVID-19 oleh OSHE UM, MKN dan agensi berkaitan yang diberi kuasa dan mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa.
15. Sekiranya terdapat sebarang kes kontak rapat dan positif COVID-19, sila laporkan kepada Fakulti dan seterusnya Fakulti akan lapor kepada OSHE.